

## **PERJALANAN PERCUMA 1 HARI SEMPENA PILIHAN RAYA UMUM 15 (PRU15)**

### **KAMI BAWA ANDA MENGUNDI, PERCUMA!**

Dalam menyokong Pilihan Raya Umum yang ke – 15, Prasarana Malaysia Berhad melalui anak – anak syarikat iaitu Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid Bus Sdn Bhd telah mengambil langkah inisiatif untuk memberikan perjalanan percuma selama 1 hari di kesemua rangkaian rel dan bas Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan pada 19 November 2022 ini.

### **SOALAN LAZIM**

#### **1. Apakah Perjalanan Percuma 1 Hari sempena PRU 15 (PPPRU) ini?**

PPPRU adalah tawaran perjalanan percuma selama 1 hari pada 19 November 2022 kepada semua pengguna rel dan bas Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan.

#### **2. Siapakah yang boleh menikmati PPPRU?**

PPPRU ditawarkan kepada semua pengguna rel dan bas (kendalian Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid Bus Sdn Bhd) melalui jenama perkhidmatan Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan.

#### **3. Saya adalah pelanggan pas My50, bagaimanakah saya boleh menebus PPPRU?**

Tiada tambahan perjalanan percuma (1 hari) sempena PRU15 kepada pelanggan pas My50. Walau bagaimana pun, pelanggan pas My50 masih akan menikmati tambahan perjalanan percuma selama tujuh (7) hari (RKJL7) jika pelanggan membuat pembaharuan baru dari 21 November – 20 Disember 2022 berikutan insiden yang berlaku di laluan Kelana Jaya pada 8 hingga 13 November 2022 yang lepas. Sila pastikan nilai baki minima RM5.00 dikekalkan dalam pas My50 anda.

#### **4. Saya adalah pengguna token, bagaimanakah saya boleh menebus PPPRU?**

Sekiranya anda pengguna token, anda boleh menikmati PPPRU dengan hanya ke Pejabat Khidmat Pelanggan di mana - mana stesen LRT, MRT, Monorel dan BRT dan Pegawai Khidmat Pelanggan kami akan memberikan token PPPRU kepada anda. Anda boleh menggunakan token PPPRU di mana-mana stesen rel atau BRT untuk perjalanan sehala sahaja. Anda perlu meminta token perjalanan yang lain di Pejabat Khidmat Pelanggan untuk perjalanan anda yang seterusnya.

**5. Bolehkah saya mendapatkan token PPPRU di mesin TVM?**

Tidak. Anda boleh mendapatkan token PPPRU dari mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan kami di kesemua laluan rel di bawah kendalian Rapid Rail dan juga di mana-mana stesen BRT Sunway.

**6. Saya adalah pengguna kad Touch 'n Go / kad Koneksi untuk perkhidmatan rel dan BRT, bagaimanakah saya boleh menebus PPPRU?**

Sekiranya anda pengguna kad Touch 'n Go / kad Koneksi, anda boleh menikmati perjalanan percuma dengan menggunakan kad anda yang sedia ada. Caj tambang dalam kad anda akan disifarkan di pintu keluar stesen rel dan BRT bagi setiap perjalanan. Sila pastikan sekurang-kurangnya RM5.00 baki minima dikekalkan di dalam kad Touch 'n Go / kad Koneksi anda sebelum menggunakan perkhidmatan rel dan BRT.

**7. Saya adalah pengguna bas Rapid KL / Rapid Penang / Rapid Kuantan / bas perantara MRT, bagaimanakah saya boleh menebus PPPRU?**

Sekiranya anda pengguna bas Rapid KL / Rapid Penang / Rapid Kuantan / bas perantara MRT, anda boleh menikmati perjalanan percuma hanya dengan menaiki bas **tanpa perlu menyentuh pas / kad anda di mesin pengimbas bas** semasa menaiki dan turun daripada bas.

**8. Bolehkan saya menikmati kadar tetap di Park 'N Ride semasa tempoh PPPRU ?**

Ya, anda boleh menikmati kadar rata di kemudahan LRT dan MRT Park 'N Ride semasa tempoh PPPRU. Anda harus pastikan pas/ kad (My50/ Koneksi/ Touch 'N Go) disentuh di pintu masuk Park 'N Ride dan menggunakan pas/ kad yang sama untuk menggunakan perkhidmatan Rapid KL. Sila pastikan baki kad Touch 'n Go anda mencukupi.

**9. Bolehkah saya membeli Pas Keluarga Malaysia atau Pas MyCity Pass pada 19 November ini?**

Tidak. Tiada sebarang penjualan Pas Keluarga Malaysia dan Pas MyCity pada 19 November 2022 ini.

**10. Bolehkah saya membuat pembaharuan baru pas My50 pada 19 November 2022 ini?**

Boleh. Tiada penambahan perjalanan percuma (1 hari) sempena PRU15 diberikan kepada pelanggan pas My50. Anda akan mendapat 30 hari perjalanan tanpa had sekiranya melanggan pas My50 sepanjang tempoh PPPRU. Tambahan perjalanan percuma selama 7 hari akan diperolehi selepas pembaharuan pas My50 pada bulan seterusnya dalam tempoh 21 November – 20 Disember 2022.

**11. Bolehkah bukan warganegara Malaysia menikmati PPPRU?**

Boleh. PPPRU ini boleh dinikmati oleh semua pengguna rel dan bas kendalian Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid Bus Sdn Bhd melalui jenama perkhidmatan Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan.

Prasarana Malaysia Berhad secara mutlak mempunyai hak untuk mengubah, memadam atau mengubah sesuai mana-mana maklumat tanpa sebarang notis awal.

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila emelkan kepada kami di [suggest@rapidkl.com.my](mailto:suggest@rapidkl.com.my) atau hubungi kami di 03-7885 2585 pada hari Isnin hingga Jumaat, dari 7.00 pagi hingga 8.30 malam, Sabtu hingga Ahad dan Cuti Umum dari 7.00 pagi hingga 5.30 petang.